

Bolehkah saya memilih bakal suami / isteri daripada kalangan mereka yang pernah melakukan dosa besar ?

Jawapan :

Suami adalah merupakan ketua atau pemimpin dalam sesebuah institusi rumah tangga manakala isteri adalah pembantu bersama di dalam pengurusan rumah tangga. Oleh yang demikian , Islam sangat mementingkan pemilihan bakal suami / isteri yang bertaqwa dan mengamalkan cara hidup Islam . Namun begitu, boleh kita memilih suami daripada mereka yang pernah melakukan dosa besar sekiranya beliau telah benar-benar bertaubat dengan taubat nasuha.